

30/01/2000

Berubah biarlah kepada yang murni...

Tajuddin Saman

KEKUATAN kepemimpinan sesuatu pertubuhan, sama ada politik atau sosial, terletak bukan saja kepada strategi, perancangan dan pengurusannya tetapi juga kepada sikap pemimpin pertubuhan itu sendiri.

Sebelum merdeka, beberapa pertubuhan politik dan sosial tanah air muncul dengan semangat yang padu dan kukuh sedangkan masa itu daya pengurusannya tidaklah sehebat zaman siber sekarang.

Dibandingkan dengan kepemimpinan masa kini, pemimpin dulu tidaklah dilengkapi dengan teknik pengurusan canggih. Mereka juga tidak terdedah kepada teknik pengurusan moden di pusat pengajian tinggi luar negara seperti di Amerika Syarikat atau Jepun tetapi sekalipun kebanyakan mereka hanya belajar di dalam negeri, daya kepemimpinan mereka mampu menstabilkan pertubuhan yang dipimpin.

Apakah rahsia kekuatan pemimpin dahulu dalam kepemimpinan mereka? Satu hal yang jelas ialah daya kepemimpinan mereka dulu kerap dikukuhkan oleh nilai dalaman diri mereka sendiri. Antara nilai itu termasuklah kejujuran, keikhlasan, kesetiaan dan kesanggupan untuk berkorban terhadap pertubuhan yang dipimpin.

Pada zaman awal memimpin Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Umno), Allahyarham Datuk Onn dan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra bukan saja bertungkus-lumus menghidupkan pertubuhan yang dipimpin malah mereka sanggup mengorbankan harta benda untuk keutuhan pertubuhan itu. Selain itu, ahli pertubuhan itu turut menunjukkan sikap pengorbanan amat tinggi. Mereka sanggup berkorban apa saja, sekalipun nyawa, untuk pertubuhan itu.

Barangkali soal nilai dalaman seperti inilah yang perlu diberi perhatian dalam pertubuhan masa kini. Walaupun pada tahap kemajuan yang dicapai masa kini dalam semua bidang amat mengagumkan tetapi pencapaian itu menyurutkan pencapaian dalaman diri sebilangan besar pemimpin sekarang.

Kalau kita boleh merenung sejenak ke dunia perfileman, kita mungkin bersetuju dengan pendapat bahawa pada zamannya P Ramlee yang juga boleh dikategorikan sebagai seorang pemimpin dalam dunia perfileman Melayu, membuktikan kemampuan `luar biasa' dalam menghasilkan karya seni bermutu pada hal pada zamannya tiada peralatan canggih dan keadaan sekeliling serba kekurangan. Bahkan filem zaman dulu tidak pun ada warna, kecuali beberapa filem seperti Hang Tuah dan Ribut.

Di sini, kita mungkin boleh bertanya, kenapa pada zaman `serba mundur' dulu, seniman (pemimpin) kita mampu melahirkan karya agung tetapi pada zaman serba maju sekarang, kelahiran karya agung seperti itu sangat berkurangan?

Lebih jauh lagi kalau mahu dilihat zaman keagungan Islam yang tersebar hingga ke Andalusia dengan segala khazanah ilmunya, dengan Ihya' Ulumuddin karya agung Imam Ghazali dan pelbagai karya agung lagi, sudah tentu zaman itu tiada cahaya elektrik atau lampu neon, tiada pena Parker dan tiada teknologi canggih tetapi hebatnya, ketika itulah lahirnya karya yang agung...

Segalanya begitu berbeza sekarang. Pada zaman serba canggih sekarang, sepatutnya kita mampu melahirkan lebih banyak karya agung, lebih banyak kecemerlangan, mampu mengangkat martabat bangsa, agama dan negara.

Inilah yang barangkali sering dilaungkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Kita bukan saja mahu melahirkan karya agung pada sudut teknologi tetapi juga seni dan budaya hidup itu sendiri.

Keseimbangan kecemerlangan menjadi tuntutan Islam. Kita bukan saja mahu

cemerlang dalam fardu ain tetapi juga fardu kifayah. Namun kalau direnung pada sesetengah tempat, masih ada ruang yang boleh kita perbaharui semangatnya.

Ini kerana ketika ini, nilai dalaman yang asli seperti kejujuran, kesetiaan dan keikhlasan dan seumpamanya - sudah banyak diganti dengan nilai asing yang berakar umbi dari budaya orang lain.

Budaya asing seperti hilangnya rasa hormat menghormati, merusuh, mencerca, biadap dan seumpamanya semakin bermaharajalela. Fenomena ini menggerunkan generasi lama yang melihat tabiat anak cucunya semakin berubah.

Memang perubahan sebenarnya tidak dapat ditahan. Bahkan pepatah Melayu sendiri menyebut sekali air bah, sekali pantai berubah tetapi berubah kepada yang murni itu satu tuntutan namun berubah kepada yang honar itu satu kegilaan.

Sedikit sebanyak kepupusan nilai dalaman yang murni adalah disebabkan oleh rempuhan budaya asing. Materialisme yang keterlaluan menyebabkan kita semakin meninggalkan ciri kejujuran, kesetiaan dan keikhlasan...

Ertinya, apabila kebendaan semakin mempengaruhi dan menguasai diri, kita sedikit demi sedikit akan melupakan nilai hidup yang murni itu. Orang tidak lagi pentingkan kesetiaan atau kejujuran atau keikhlasan kerana daripadanya tidak terpancut wang ringgit.

Pertanyaan seperti "kalau aku tolong engkau, apa yang aku dapat?" atau "kalau aku masuk parti itu, apa aku dapat?" semakin menjadi bahasa basahan di bibir mulut. Ertinya, tabiat suka berkorban untuk orang lain, sudah semakin pupus. Kalau tolong pun, mungkin kerana mengharap balasan. Tanpa balasan, tidak ada istilah 'tolong'.

Persoalan ini memang boleh dipertikaikan sampai kiamat. Pasti ada yang mengatakan perkara ini tidak dapat dielakkan kerana ia suatu tuntutan zaman. Orang dulu tidak perlukan wang ringgit sangat kerana suasana zaman mereka berbeza dengan sekarang.

Saya teringat di kampung dulu, ada Tok Haji Ma'aris mengajar mengaji Quran kepada semua anak kampung. Dia mengajar tanpa bayaran. Kami sebagai muridnya selalu pula membantunya buat kerja rumah atau kerja kampung. Suasana seperti itu mungkin sukar ditemui sekarang, lebih-lebih lagi di bandar besar.

Mungkin itu zaman 60-an. Orang sekarang perlukan imbuhan bagi setiap kerja yang dilakukan. Tanpa wang ringgit apa pun tidak dapat dilakukan sekarang. Soal tuntutan zaman memanglah seperkara yang tidak dapat dinafikan tetapi soalnya yang lain ialah disebabkan tuntutan zaman yang berteraskan materialisme itu, kita terpaksa mengorbankan nilai asli yang menjurus kepada keutuhan kerohanian.

Tetapi anehnya, pada waktu jiwa kita rakus dan tidak puas-puas meneguk nilai kebendaan, kita tetap mengeluh terhadap kehilangan nilai dalaman yang asli seperti kejujuran, keikhlasan dan pengorbanan.

Justeru, kita sering mendengar keluhan daripada sesetengah orang: "Zaman sekarang susah nak cari kawan yang benar-benar jujur" atau "zaman sekarang adik beradik pun tak boleh percaya..."

Demikianlah tahap penghakisan nilai dalaman yang sejati daripada jiwa sebilangan besar manusia zaman moden ini. Soalnya, apakah kehilangan nilai dalaman yang murni itu juga tuntutan zaman atau ia kelalaian serta kealpaan manusia yang sering melupakan ajaran agama yang menuntut kita memelihara nilai itu sepanjang zaman?

Nilai dalaman itu sebenarnya boleh diumpamakan seperti baju putih yang sesuai dipakai di mana dan pada bila-bila masa jua. Ia berbeza dengan baju berwarna warni atau baju fesyen baru yang direka cipta sesuai untuk sesuatu musim atau ruang waktu tertentu.

Apabila musim tertentu itu berakhir maka baju fesyen baru itu tidak sesuai

lagi untuk musim yang lain, lantas ia terus menjadi baju fesyen lama. Lagi lama masa berlalu, baju fesyen lama itu mungkin menjadi fesyen usang. Tetapi baju putih tetap sesuai dipakai pada musim mana jua.

Begitulah ibaratnya nilai dalaman yang murni. Kejujuran, keikhlasan dan jiwa yang sanggup berkorban demi keadilan misalnya tetap menjadi tuntutan semua zaman - dari zaman Tun Sri Lanang atau sebelumnya lagi hinggalah ke zaman ini.

(END)